

07 AUG 2002

Myanmar-Razali/I

DR MAHATHIR DIJANGKA BINCANG PELBAGAI ISU DENGAN PEMIMPIN MYANMAR

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin Myanmar Gen Than Shwe dijangka bertukar pandangan mengenai perkembangan terbaru di Myanmar semasa lawatan rasmi Perdana Menteri ke Yangon pada 18 Ogos.

Selain daripada itu, kedua-dua pemimpin itu juga dijangka membincangkan masalah dan peluang-peluang bagi Asean, kata Tan Sri Razali Ismail, Duta Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar. Razali juga merupakan penasihat khas kepada Dr Mahathir.

Bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan di sebuah seminar perniagaan di sini, hari ini, Razali berkata Dr Mahathir juga dijangka menyatakan kesediaan Malaysia untuk membantu menjayakan rancangan perindustrian dan permodenan Myanmar.

"Dr Mahathir akan menunjukkan teknologi terbaik Malaysia kepada Myanmar dan akan bertukar idea dan pandangan mengenai apa yang berlaku di situ dan juga di rantau Asean," katanya.

Ditanya sama ada Dr Mahathir akan bertemu dengan pemimpin pembangkang Aung San Suu Kyi semasa lawatan rasmi dua hari itu, Razali, yang baru pulang daripada lawatan kelapannya ke Myanmar, berkata: "Belum tahu...Suu Kyi mungkin mahu berjumpa dengan PM".

Pada Isnin, sebuah akhbar harian tempatan telah melaporkan yang Dr Mahathir akan bertemu dengan Suu Kyi atas jemputan pemimpin pembangkang itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir semalam berkata lawatan beliau itu adalah atas jemputan kerajaan Myanmar dan beliau tidak menyatakan sama ada akan berlaku pertemuan dengan pemimpin pembangkang itu.

Razali, memegang jawatan itu sejak tahun 2000 sebagai wakil peribadi Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan, untuk menjadi orang tengah dalam perbincangan antara kerajaan tentera dan Suu Kyi dengan tujuan menggalakkan perdamaian dan pembaharuan politik.

Mengenai Suu Kyi, yang dibebaskan daripada tahanan rumah pada Mei oleh junta tentera, Razali berkata pemimpin pembangkang itu berada dalam keadaan baik dan tiada sekatan dikenakan terhadapnya.

"Beliau lebih positif sekarang. Beliau boleh bergerak...Ia bagaikan nafas baru bagi beliau. Beliau telah keluar untuk bertemu rakyat dan diterima dengan baik," katanya.

Razali berkata Suu Kyi dan kerajaan tentera sedang bekerjasama untuk mengadakan rundingan mengenai masa depan negara itu.

Ditanya sama ada Suu Kyi boleh ke luar negara, beliau menjawab: "Apabila masanya sesuai beliau sendiri mungkin datang untuk melihat negara-negara Asean...Saya tidak tahu, tetapi terdapat kemungkinan itu tidak lama lagi."

-- BERNAMA

DC AHH PR